

# Muhyiddin tenang hadapi krisis kesihatan, politik

BH-9/16/2020 wk: 10

Dari Kaca Mata

Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed  
Ketua Kluster Tadbir Urus dan  
Integriti, Majlis Profesor Universiti  
Utara Malaysia (UUM)



**Menjelang** 100 hari pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia kelapan, pelbagai peristiwa dilalui beliau sepanjang tempoh ini. Bermula 1 Mac, Muhyiddin dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang meletakkan jawatan sebelum itu.

Walaupun krisis kepimpinan selama dua minggu menimbulkan pelbagai polemik dan perdebatan dengan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, baginda memberi perkenan pelantikan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri berdasarkan Perkaranya 40 (2) (a) dan Perkaranya 43 (20a) Perlembagaan Persekutuan.

Selesai sahaja pelantikan, Muhyiddin terus berdepan krisis kesihatan sangat serius yang melanda seluruh dunia akibat penularan wabak COVID-19. Mengambil kira pandangan pelbagai pihak terutama Kementerian Kesihatan (KKM), beliau terus melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac bertujuan mengawal pergerakan masyarakat supaya rantaian penyebaran wabak dapat diputuskan.

Walaupun PKP menyebabkan ramai masyarakat tidak berpuas hati, pada hari ini, kejayaan Malaysia mengekang penyebaran wabak menjadikan negara antara contoh terbaik di dunia dalam mengamalkan pendekatan PKP bagi mengekang penyebaran dan penularan COVID-19.

Pendekatan beliau yang santai ketika membuat pengumuman penting berkaitan PKP menarik minat ramai masyarakat, terutama ketika mereka berada dalam keresahan dan ketakutan akibat jangkitan serta kematian yang terpaksa dihadapi oleh negara.

Pandemik COVID-19 juga mem-

beri impak sangat besar kepada kedudukan ekonomi negara. Selain anggota masyarakat yang tidak dapat bekerja, negara turut berdepan dengan kejatuhan besar harga minyak hingga mencecah di bawah paras AS\$40 setong.

Situasi ini sudah tentu memberi kesan kepada pendapatan negara kerana lebih 40 peratus hasil keuntungan minyak akan dipulangkan kepada Perbendaharaan Negara.

Justeru, kejatuhan harga minyak dan kelembapan ekonomi dunia mencabar keupayaan Muhyiddin untuk mentadbir negara.

Bagaimanapun, mengambil kira kesempitan hidup pelbagai lapisan masyarakat yang terkesan akibat krisis kesihatan, kerajaan di bawah pimpinan beliau tetap berusaha untuk membantu mengurangkan kesulitan hidup masyarakat melalui pelbagai bantuan dan subsidi dilancarkan seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dalam tempoh 10 hari selepas PKP dilaksanakan.

Pakej ini jelas menunjukkan keprihatinan beliau terhadap kesengsaraan masyarakat, terutama mereka yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19.

Di samping PRIHATIN, pelbagai pakej rangsangan ekonomi turut dilancarkan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meneruskan operasi mereka. Subsidi upah dan kredit mikro juga dilaksanakan bagi merancarkan sektor ekonomi negara.

Di samping bantuan kepada PKS, kerajaan pimpinan beliau menggalakkan sektor perbankan untuk meringankan beban pinjaman hutang perumahan, kenderaan dan peribadi melalui pelaksanaan moratorium selama 6 bulan.

Pelaksanaan ini sudah tentu mengurangkan bebanan masyarakat yang berhutang dan menggunakan wang berkenaan untuk tujuan seperti pembelian makanan serta keperluan asas lain. Pelbagai bantuan dan subsidi yang diberikan ini walaupun pasti membebaskan kewangan negara, ia amat bermakna kepada masyarakat kerana membolehkan mereka meneruskan kelangsungan hidup yang terhimpit akibat



**Muhyiddin ketika angkat sumpah jawatan Perdana Menteri dan kini menjelang 100 hari pentadbirannya terus tenang tangani penularan COVID-19 sehingga berjaya mengurangkan kes jangkitan dalam kalangan rakyat.**

tidak dapat bekerja atau dihentikan.

Walaupun krisis politik saban hari mewarnai landskap politik negara, Muhyiddin tetap memberikan tumpuan penuh beliau ke arah mentadbir negara dengan sebaik mungkin, malah beliau sedar rakyat sudah muak dengan politik.

Pelantikan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara dan beberapa lantikan lain dilakukan berdasarkan amalan profesionalisme. Mereka dilantik ini berkelayakan dan mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik.

Anggota Kabinet yang dilantik juga adalah berkelayakan dan mampu menjalankan tugas serta tanggungjawab dengan baik. Menteri dan timbalan menteri yang dilantik dibuat tapisan integriti oleh SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan mereka yang dipilih bermoral dan

berintegriti tinggi.

Ini bertepatan dengan amanat pertama beliau ketika memberikan ucapan sumpah sebagai Perdana Menteri, iaitu kerajaan pimpinannya akan dibarisi mereka yang bersih daripada sebarang rasuah dan mempunyai integriti dan moral yang baik. Situasi ini sudah tentu akan meningkatkan lagi tahap kepercayaan masyarakat terhadap beliau dan kerajaan pimpinannya.

Fasa seterusnya dalam kepimpinan Muhyiddin pasti akan lebih mencabar. Antara cabaran utama adalah memulihkan keadaan ekonomi negara. Dalam ucapannya baru-baru ini, beliau menyatakan kadar pengangguran akan meningkat kepada 4 peratus dan lebih 2 juta anggota masyarakat kehilangan pekerjaan.

Strategi bersepadu perlu dilaksanakan bagi memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dibuka untuk mereka yang kehilangan pekerjaan. Di samping itu, sektor

pelancongan yang terjejas teruk juga perlu diberi perhatian agar pelancongan domestik akan diberikan tumpuan sebelum sempadan negara dibuka kepada pelancong luar.

Umum mengetahui kebanjiran warga asing sama ada yang sah atau secara haram menimbulkan pelbagai kritikan dan rungutan daripada masyarakat. Kerajaan perlu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing terutama dalam sektor yang tidak kritikal seperti perkhidmatan, perhotelan, pertanian dan perladangan.

Peluang yang ada perlu diberikan kepada masyarakat tempatan. Kebergantungan buruh asing dalam sektor binaan juga perlu diteliti secara mendalam. Mereka yang didapati bersubahat menyewakan tapak perniagaan kepada warga asing wajar diambil tindakan tegas.

Mana-mana anggota kerajaan terbabit dalam melindungi warga asing tidak sah juga perlu dikenakan tindakan tegas untuk menjadi pengajaran kepada mereka yang masih membawa buruh asing secara haram.

Pelantikan ke jawatan penting dalam kerajaan dan agensi bukan kerajaan perlu dilakukan secara profesional. Perkhidmatan awam berkualiti bermula dengan kualiti kepimpinan.

Pemimpin berkualiti dan berintegriti pasti akan meningkatkan lagi tahap kecemerlangan perkhidmatan awam.

Tekanan dan campur tangan politik dalam kerajaan juga perlu dikurangkan agar kakitangan awam dapat menjalankan tugas mereka dengan profesional berdasarkan kepakaran masing-masing. Kepimpinan politik di bawah Muhyiddin memerlukan perkhidmatan awam berkualiti untuk memastikan negara boleh terus maju dan berdaya saing.

Dalam tempoh 100 hari ini, Perdana Menteri dan jemaah menteri beliau sudah membuktikan seperti disebut Muhyiddin ketika menamakan jemaah menteri bawanya Kabinet beliau adalah yang berfungsi dan berkhidmat untuk semua rakyat Malaysia serta prihatin terhadap keperluan rakyat.